

**Saya boleh bina dinasti semasa jadi PM - Dr. M
Utusan Online
27 April, 2013**

JERAI 26 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau boleh memilih untuk meletakkan kesemua anaknya bertanding sebagai calon pilihan raya umum semasa menjadi Perdana Menteri jika mahu mewujudkan 'Dinasti Mahathir' termasuk di Kedah.

Bagaimanapun, bekas Perdana Menteri keempat negara itu berkata, beliau tidak membenarkan anak-anaknya menjadi calon sehingga bersara bagi mengelakkan konflik kepentingan rakyat dan keluarga.

Menurut Dr. Mahathir, selepas bersara, beliau juga tidak boleh menghalang mereka untuk bertanding dalam pilihan raya umum kerana salah baginya berbuat demikian.

"Apabila sudah bersara, saya tidak boleh menghalang hak mereka untuk bertanding. Saya tidak boleh kata kamu anak saya, jadi tidak boleh bertanding, itu salah.

"Saya tidak minta mereka bertanding, tetapi mereka yang hendak bertanding, mengapa tidak?," kata Dr. Mahathir ketika ditemui selepas majlis sepetang bersama beliau dan calon-calon Barisan Nasional (BN) dalam kawasan Parlimen Jerai di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak membuat kenyataan kononnya Dr. Mahathir mahu mewujudkan legasi Mahathirisme dan 'kerajaan Mahathir' apabila BN meletakkan anaknya, Datuk Mukhriz bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Hitam pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Terdahulu, dalam satu majlis di Padang Terap dekat sini, Dr. Mahathir berkata, beliau memaafkan Azizan yang membuat kenyataan itu kerana mengenalinya sebagai seorang yang baik dan Menteri Besar itu boleh berkata apa sahaja yang disukai.

Dr. Mahathir secara sinis mempersoalkan siapakah sebenarnya yang mahu membina dinasti dengan meletakkan anak masing-masing sebagai calon semasa masih lagi menjadi pemimpin parti.

"Lihat Penasihat DAP, Lim Kit Siang, dia pilih anaknya (Lim Guan Eng) menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang. Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat melatih anaknya untuk mengambil alih tempat dia.

"Mereka ini yang hendak bina dinasti. Jangan kata saya," katanya.

Mengulas tuduhan Tamrin Ghafar bahawa beliau membunuh perjuangan asal UMNO sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981 pula, Dr. Mahathir berkata, Tamrin sebenarnya orang yang menjahanamkan parti itu.

Kata Dr. Mahathir, sekalipun pernah dua kali keluar daripada UMNO, namun beliau tidak menubuhkan parti baharu atau menyertai parti lawan sebagaimana yang dilakukan oleh anak bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba itu.

Kelmarin, dalam satu ceramah di Kota Siputeh, Tamrin menuduh Dr. Mahathir membunuh perjuangan asal UMNO sejak dilantik sebagai Perdana Menteri.

Tamrin berkata, UMNO sebelum kepimpinan Dr. Mahathir yang bergerak ikhlas membangunkan negara telah dikuburkan dan diganti dengan UMNO baharu yang lari daripada perjuangan asal apabila pemimpinnya mementingkan kebendaan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130427/px_23/Saya-boleh-bina-dinasti-semasa-jadi-PM---Dr-M#ixzz2ZolTosP8